

Soalan-soalan Lazim

Program Peneraju Skil *Specialist in CAD/CAM- Advanced Computer Numerical Control & Manufacturing*

A. MENGENAI PROGRAM

1. Apakah matlamat program Peneraju Skil *Specialist in CAD/CAM- Advanced Computer Numerical Control & Manufacturing*?

Program CAD/CAM merupakan program separuh masa (part-time) khusus kepada individu yang sedang bekerja yang ingin menjadi pakar dalam kemahiran rekabentuk 3D dan mempunyai pengetahuan asas dalam bidang pengkomputeran dan rekabentuk mekanikal.

Objektif utama adalah menyediakan latihan kemahiran rekabentuk maju yang relevan kepada industri, mengurangkan pengangguran dan meningkatkan kesedaran mengenai potensi kerjaya.

2. Apakah syarat-syarat untuk memohon program Peneraju Skil *Specialist in CAD/CAM- Advanced Computer Numerical Control & Manufacturing*?

1. Warganegara Malaysia dan Bumiputera;
2. Berumur di antara 25 hingga 40 tahun semasa mengikuti program;
3. Sihat tubuh badan, bebas daripada pengaruh dadah dan alkohol dan tidak buta warna;
4. Mempunyai sekurang-kurangnya diploma/SKM tahap 4 dengan pengalaman kerja selama 3 tahun dalam industri pembuatan, teknologi pemesinan atau bidang berkaitan;
5. Terma-terma lain yang telah dipersetujui.

3. Apakah peluang yang ditawarkan kepada peserta Program Peneraju Skil *Specialist in CAD/CAM- Advanced Computer Numerical Control & Manufacturing*?

1. Melengkapkan peserta dengan kemahiran dan pengetahuan rekabentuk 3D dalam bidang komponen teknologi pembuatan sebagai pereka CAD/CAM yang berkelayakan.
3. Mendedahkan peserta kepada persekitaran kerja dalam industri MNC seperti Aeroangkasa, Automotif, Minyak & Gas, Telekomunikasi & Perubatan.
3. Membolehkan peserta mendapat manfaat dengan kenaikan gaji kasar selepas memasuki program

4. Adakah terdapat bayaran yang dikenakan kepada calon yang berminat?

Tidak. Program Peneraju Skil *Specialist in CAD/CAM- Advanced Computer Numerical Control & Manufacturing* adalah program pembiayaan pendidikan penuh dengan syarat-syarat berikut :

SEKSYEN	PERKARA & BUTIR - BUTIR	
1	SKIM PEMBIAYAAN : PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PENUH	
	Syarat – Syarat Dan Kelayakan Untuk Pembiayaan Pendidikan Penuh	i. Lulus dan tamat pengajian program dalam masa yang ditetapkan; dan ii. Lulus semua peperiksaan dalam satu (1) kali percubaan.
	Nilai Pembayaran Balik	Dikecualikan.

	Tempoh Bayaran Balik	Dikecualikan.
2	SKIM PEMBIAYAAN : PEMBIAYAAN SEPARA	
	Syarat – Syarat Dan Kelayakan Untuk Pembiayaan Pendidikan Separata	i. Lulus dan tamat pengajian program dalam masa yang ditetapkan; dan ii. Lulus semua peperiksaan melebihi daripada satu (1) kali percubaan.
	Nilai Pembayaran Balik	20% daripada jumlah atau nilai pembiayaan pendidikan program.
	Tempoh Bayaran Balik	Bermula tiga (3) bulan dari tarikh penamatan pengajian program atau pelanggaran perjanjian ini (mana-mana yang terdahulu).
3	SKIM PEMBIAYAAN : PINJAMAN PENDIDIKAN	
	Syarat – Syarat Dan Kelayakan Untuk Pembiayaan Pendidikan Penuh	i. Pelanggaran perjanjian; atau ii. Tamat pengajian program melebihi tempoh masa yang ditetapkan; atau
	Nilai Pembayaran Balik	Jumlah atau nilai pembiayaan pendidikan dan dibayar secara penuh.
	Tempoh Bayaran Balik	Bermula tiga (3) bulan dari tarikh penamatan pengajian program atau pelanggaran perjanjian ini (mana-mana yang terdahulu).

5. Adakah program ini dibuka kepada calon daripada semua negeri?

Ya, program ini dibuka kepada calon dari seluruh Malaysia. Walaubagaimanapun, latihan akan dijalankan di Kulim Hi-Tech Park, Kulim, Kedah.

6. Adakah saya akan terikat dengan Yayasan Peneraju selepas tamat program Peneraju Skil *Specialist* in CAD/CAM - *Advanced Computer Numerical Control & Manufacturing*?

Ya. Peserta terikat dengan Yayasan Peneraju sepanjang program berjalan merangkumi 5 bulan latihan serta 6 bulan tempoh pemantauan pekerjaan. Tempoh pemantauan pekerjaan adalah untuk memastikan kenaikan gaji peserta selepas tamat program.

7. Adakah saya diperlukan untuk menandatangani sebarang bentuk kontrak atau perjanjian?

Ya, perjanjian pembiayaan pendidikan akan disediakan untuk semua peserta program.

8. Bolehkah saya menolak tawaran sekiranya saya disenaraipendek untuk menyertai program ini?

Boleh, selagi mana surat tawaran tidak ditandatangani dan dihantar ke pihak Yayasan Peneraju.

9. Adakah sebarang tindakan akan dikenakan sekiranya saya melanggar isi kandungan kontrak?

Peserta perlu membayar balik ke semua kos yang telah ditanggung oleh Yayasan Peneraju bagi tujuan pembiayaan pendidikan program.

10. Apakah jenis bantuan yang akan ditanggung sepanjang program berlangsung?

- Yuran latihan dan pensijilan
- Program Pembangunan & Pemupukan (*Nurture & Development Programme*)
- Elaun Pengangkutan RM600 untuk 5 bulan (RM120 sebulan)
- Sarapan pagi dan makan tengahari

- Insuran Kemalangan Diri selama 1 tahun

11. Adakah peserta dibenarkan membuat tuntutan bayaran perjalanan untuk memasuki program?

Tidak. Calon tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan bayaran perjalanan kepada Yayasan Peneraju sebelum dan selepas memasuki program ini. Yayasan Peneraju tidak menanggung kos perjalanan dan kenderaan peserta.

12. Sekiranya saya sudah menerima pinjaman / biasiswa dari pihak lain, adakah saya masih boleh menerima tawaran biasiswa di bawah tajaan Yayasan Peneraju?

Tidak boleh.

13. Apakah kaedah penyampaian latihan?

Kaedah penyampaian adalah secara bersemuka dan peserta perlu menghadiri kelas. Sekiranya terdapat kekangan semasa seperti kes covid-19, kaedah atas talian akan digunakan dalam tempoh tertentu.

14. Apakah pensijilan yang akan diperolehi selepas tamat program?

Certified Solid Work Professional by Dassault Systems

B. PROSES PERMOHONAN

1. Bagaimana cara untuk mendaftar?

Permohonan boleh dibuat melalui laman web rasmi Yayasan Peneraju www.yayasanpeneraju.com.my atau terus berhubung dengan rakan program kami :-

- Kulim Advanced Technologies Sdn Bhd di talian 04-4031633
- Puan Zarina di talian 019-4146225 atau emel zarina@ktechno.com.my
- Cik Syamimi di talian 0111-5355646 atau emel syamimi@ktechno.com.my
- Muat turun borang permohonan di www.ktechno.com.my

2. Apakah bentuk sesi Penilaian yang akan dijalankan?

- Pengesahan dokumen - dokumen
- Temuduga bertulis dan temuduga bersemuka/atas talian

3. Sekiranya saya berjaya, apakah proses selanjutnya?

Semua peserta yang Berjaya akan dihubungi melalui telefon / emel oleh rakan program kami.

4. Sekiranya saya tidak Berjaya, adakah saya akan dihubungi?

Ya, peserta yang tidak berjaya akan dihubungi telefon / emel oleh rakan program kami.

C. STRUKTUR PROGRAM

1. Berapa lamakah program ini akan berlangsung dan apakah komponen yang terkandung?

Program akan berjalan separuh masa iaitu pada setiap hari Sabtu selama 5 bulan dan 6 bulan pemantauan pekerjaan (pemantauan kenaikan gaji).

2. Apakah contoh komponen 'Nurture & Development Programme' yang diterapkan dalam Program Profesional dan setiap program Yayasan Peneraju?

'Nurture and Development Programmet' di dalam program Peneraju Skil *Specialist in CAD/CAM- Advanced Computer Numerical Control & Manufacturing* memberi penekanan dan pendedahan tentang kemahiran kognitif dan psikologi seperti 'Business Coaching', Pemikiran Kritikal, Penyelesaian Masalah dan Neuro Linguistic Program (NLT)

3. Bilakah saya akan mula menerima bantuan biasiswa?

Sebaik sahaja program bermula.

4. Bilakah permohonan akan dibuka?

Permohonan	Jangkamasa
Permohonan akan dibuka pada	2 bulan sebelum program bermula
Program dijangka bermula pada	Cohort 1 – 20 Februari 2021 (30 pax) Cohort 2 – 20 Julai 2021 (30 pax) Cohort 3 – 27 Disember 2021 (30 pax)